

---

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI  
PENGERUSI LLM**

**SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN PERSONEL INDUSTRI  
LEBUH RAYA TAHUN 2021**

**PADA  
30 MEI 2022 (ISNIN) / 11.00 PAGI  
DEWAN TAN SRI M. YUSUFF  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

---

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum Dan Salam Keluarga Malaysia.

Yang Berhormat,

Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof

Menteri Kanan Kerja Raya

Yang Berbahagia,

Datuk Wan Ahmad Uzir Bin Haji Wan Sulaiman

Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia,

Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan,

Ketua Pengarah LLM

Ahli-ahli Lembaga Lebuhraya Malaysia

Ketua-ketua Agensi Kementerian Kerja Raya

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Konsesi Lebuhraya

Yang diraikan para penerima Anugerah Kecemerlangan Personel  
Industri Lebuhraya bagi tahun 2021,

Seluruh warga Lembaga Lebuhraya Malaysia,

YB. Dato' Sri / YB. Datuk / YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama menzahirkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas keizinan dan limpah kurnia-Nya jualah kita dapat bersama-sama dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebuhraya bagi tahun 2021 pada pagi ini. Saya mewakili Lembaga Lebuhraya Malaysia dan industri lebuhraya amnya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB Dato' Sri Menteri Kanan Kerja Raya di atas persetujuan beliau untuk mengadakan majlis ini dan melapangkan masa bagi menyempurnakan sesi penganugerahan kepada warga industri lebuhraya.

Sempena bulan syawal yang mulia ini, saya rasa bersyukur kerana dapat berkumpul bersama-sama meraikan sambutan Hari raya Aidilfitri setelah 2 tahun tidak dapat meraikan Aidilfitri disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pasti sambutan hari raya pada tahun ini telah diraikan dengan penuh keceriaan bersama keluarga masing-masing dan seterusnya memperkuat hubungan persaudaraan sesama Keluarga Malaysia. Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini dapat kita lihat kemeriahannya, kerana pengguna masih sanggup menempuhi tempoh masa perjalanan yang panjang untuk pulang ke kampung halaman bertemu keluarga.

Para hadirin sekalian,

Prestasi cemerlang industri lebuh raya pada hari ini adalah hasil kerjasama dan komitmen keluarga industri lebuh raya yang sentiasa bekerja keras dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna lebuh raya. Untuk itu, dengan izin YB Menteri majlis pada hari ini diadakan bagi mengiktiraf dan menghargai warga kerja industri lebuh raya yang berprestasi cemerlang. Seramai 75 orang warga industri lebuhraya diraikan pada majlis hari ini yang terdiri daripada;

- ❖ 45 orang pegawai LLM bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Berprestasi Baik;
- ❖ 26 orang wakil syarikat konsesi bagi Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebuh Raya;
- ❖ 3 orang pegawai KKR; dan
- ❖ 1 orang pegawai CIDB.

Untuk makluman para hadirin sekalian, Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebuh Raya tahun 2021 ini merupakan satu penghargaan kepada personel lebuh raya yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan bermutu tinggi berdasarkan prestasi tahun 2021. Penerima anugerah ini adalah terdiri daripada warga kerja industri lebuh raya yang dipilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh agensi / syarikat konsesi masing-masing. Penghargaan khas juga dianugerahkan kepada pegawai KKR dan CIDB yang banyak menyumbang idea dan membantu dalam pelaksanaan perkhidmatan demi kepentingan pengguna serta Kerajaan. Bak kata pepatah “Orang berbudi, kita berbahasa”.

Kecemerlangan pasukan kerja industri lebuh raya terbukti apabila telah berjaya menyesuaikan diri dengan norma baharu, bersikap positif dan berdisiplin tinggi dalam situasi serba sedia menghadapi cabaran berikutan pandemik Covid-19. Kesediaan untuk melakukan penjajaran dan penyesuaian cara kerja, kepantasan melakukan adaptasi dengan perubahan, sememangnya wajar diberikan pengiktirafan dan dijadikan “role model”.

Semoga dengan pengiktirafan ini akan menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga industri lebuh raya untuk sentiasa komited dalam melaksanakan tugas dengan penuh bersemangat demi kecemerlangan organisasi pada masa akan datang. Tahniah diucapkan!

YB. Dato’ Sri / YB. Datuk / YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan dan syarikat konsesi dalam melaksanakan diskaun serta tol percuma dalam tempoh perayaan aidilfitri baru-baru ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada KKR, semua syarikat konsesi dan rakan strategik seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan lain-lain agensi yang terus-menerus bekerja tanpa mengira masa serta tenaga dalam memastikan perkhidmatan

dan kemudahan yang terbaik disediakan demi keselesaan dan keselamatan pengguna terutamanya cuti aidilfitri baru-baru ini. Walaupun kesesakan luar biasa berlaku di kebanyakan lebuh raya, kesiapsiagaan KKR, LLM, Agensi Penguatkuasa dan Bantuan Kecemasan yang berkaitan dan syarikat konsesi untuk menghadapi situasi ini haruslah diberi pujian. Pihak industri lebuh raya akan terus berusaha untuk menambahbaik operasi lebuh raya ke tahap yang lebih baik lagi.

YB. Dato' Sri / YB. Datuk / YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan-Tuan/ Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya mendoakan agar YB. Dato' Sri, YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan terus berisitiqamah dan beriltizam dalam menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan demi kecemerlangan industri lebuh raya. Insya-Allah usaha kita akan diberkati dan aspirasi yang dihasratkan oleh YB Menteri untuk memastikan tahap perkhidmatan di lebuh raya sentiasa terbaik akan tercapai. Saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada semua penerima Anugerah Kecemerlangan Personel Industri Lebuh Raya kategori LLM, Syarikat Konsesi dan Penghargaan khas KKR bagi tahun 2021 yang diraikan pada hari ini.

Paling tidak dilupai kepada YB Menteri dan YBhg. Datuk KSU yang sentiasa menyokong, membantu dan memberi tunjuk ajar dalam meningkatkan industri lebuh raya. Sekalung tahniah dan terima kasih

sekali lagi saya ucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan pelaksanaan majlis pada hari ini.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.